

Proton e.MAS 7 Catat Jualan Tertinggi dengan 7,413 Unit dan Proton e.MAS 5 Raih 10,000 Tempahan di Seluruh Negara

EV No.1 Malaysia Terus Mengukuhkan Kedudukan, Manakala EV Mampu Milik Pertama Malaysia Menarik Permintaan Tinggi di Seluruh Negara

Subang Jaya, 12 November 2025 – PRO-NET, anak syarikat pengeluar automotif nasional PROTON, hari ini mengumumkan satu lagi pencapaian penting dalam perjalanan EV Proton e.MAS. Sejak dilancarkan, Proton e.MAS 7 telah mencatat jualan sebanyak 7,413 unit, merangkumi 6,954 unit di pasaran tempatan dan 459 unit eksport setakat 31 Oktober 2025. Proton e.MAS 7 terus mengekalkan kedudukannya sebagai Model EV No.1 di Malaysia selama 10 bulan berturut-turut.

Pada masa yang sama, Proton e.MAS 5 yang baru sahaja dilancarkan, iaitu EV mampu milik pertama di Malaysia, terus menarik minat yang tinggi di seluruh negara dengan lebih daripada 10,000 tempahan diterima setakat ini. Pencapaian ini menunjukkan penerimaan yang semakin meningkat terhadap kenderaan elektrik dalam kalangan pengguna Malaysia serta mengukuhkan komitmen PRO-NET untuk menawarkan EV yang mampu milik dan mudah diakses tanpa menjejaskan kualiti.

“Kami benar-benar menghargai sokongan padu yang terus diberikan oleh rakyat Malaysia terhadap Proton e.MAS 7 dan kini Proton e.MAS 5,” ujar Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET. “Setiap tempahan yang diterima melambangkan kepercayaan rakyat terhadap keupayaan kami untuk menawarkan Proton e.MAS 5 dengan kualiti dan piawaian tertinggi. Sebagai pengeluar automotif nasional, kami akan terus komited untuk memastikan mobiliti elektrik menjadi lebih mudah diakses, boleh dipercayai dan relevan untuk semua.”

Tempahan Proton e.MAS 5 Catat Jumlah Tertinggi di Bahagian Lembah Klang

Minat rakyat Malaysia terhadap Proton e.MAS 5 terus menunjukkan momentum memberansangkan di seluruh negara, dengan di Wilayah Lembah Klang mencatat jumlah tempahan tertinggi, diikuti oleh bahagian Selatan dan Utara. Permintaan dari Sabah Sarawak dan Pantai Timur juga menunjukkan peningkatan, menggambarkan sambutan meluas terhadap kereta elektrik mampu milik pertama di Malaysia ini.

Menurut maklum balas daripada pusat pengedar, majoriti pelanggan e.MAS 5 terdiri daripada golongan profesional yang memilih model ini sebagai kenderaan utama untuk kegunaan harian. Ramai daripada mereka mengambil peluang untuk menukar kereta sedia ada melalui program **Power Trade-In**, yang menawarkan rebat tambahan sebanyak RM1,000. Pada masa yang sama, sebilangan besar pembeli menjadikan e.MAS 5 sebagai kenderaan kedua dalam keluarga. Model hatchback segmen B ini turut menarik minat pembeli kereta pertama, mencerminkan generasi baharu yang mencari mobiliti yang praktikal, berpatutan, dan lestari.

Mengapa Rakyat Malaysia Memilih Proton e.MAS 5

Maklum balas awal daripada pelanggan menunjukkan bahawa faktor harga berpatutan, kepraktisan, dan pengalaman pemanduan yang seimbang menjadi antara sebab utama yang mendorong permintaan tinggi terhadap Proton e.MAS 5. Ramai rakyat Malaysia menganggapnya sebagai EV harian yang sempurna, kompak, bergaya, dan dilengkapi teknologi canggih yang memudahkan kehidupan seharian.

Rakyat Malaysia kini boleh membuat tempahan untuk Proton e.MAS 5, yang ditawarkan dengan rebat pelancaran khas bernilai RM3,000 sehingga 31 Disember 2025, serta pakej pelancaran eksklusif bernilai sehingga RM8,000* untuk tempoh masa terhad. Pakej ini merangkumi pemasangan pengecas rumah 7kW percuma, data internet tanpa had selama lima tahun, serta pelbagai rebat dan manfaat pemilikan eksklusif yang direka untuk menjadikan pengalaman memiliki EV lebih berbaloi dan menyeronokkan.

Untuk maklumat lanjut mengenai Proton e.MAS 5, layari laman web rasmi Proton e.MAS dan ikuti saluran media sosial rasmi kami di Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial) dan Instagram (@protonemasofficial).

#ProtoneMAS7 #ProtoneMAS5 #FreedomThatElectrifies #MostAffordableEV #OwnYourSpace

*Tertakluk pada terma & syarat

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama nasional perintis Malaysia dalam kenderaan elektrik dan tenaga baharu, yang merupakan sub-jenama di bawah PROTON dan diedarkan oleh PRO-NET. Berperanan penting dalam mempercepatkan penerimaan EV serta membangunkan ekosistem jenama, Proton e.MAS komited untuk menerajui peralihan ke arah mobiliti lestari dengan semangat inovasi dan kecemerlangan yang berterusan. Rangkaian pengedaran yang semakin meluas, perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh, dan ekosistem yang kukuh memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman pemilikan yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selaras dengan syarikat induk PROTON, adalah untuk MENGINSPIRASI HUBUNGAN melalui penyampaian Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan piawaian antarabangsa secara konsisten. Proton e.MAS telah diperkenalkan secara rasmi pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: salawati@proton.com

Christopher Ng

Manager, PR & Communications

Telephone: +6012-818 7597

Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah

Senior Executive, Public Relations

Telephone: +6017-232 6225

Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran

H/Advisors Klareco

Telephone: +6014 345 2006

Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global